

**SPESIFIKASI TEKNIKAL**

**SEBUTHARGA BIL. 26/2021:**  
**PERKHIDMATAN BERKAITAN PENGURUSAN PERUBAHAN DI BAWAH**  
**PROJEK SCORE@MATCHME**

**1. OBJEKTIF**

- 1.1 Melaksana perkhidmatan penganjuran *Executive Talk* bersama Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia & PKS melalui platform digital melibatkan syarikat 4 & 5 Bintang.
- 1.2 Mereka bentuk, mencetak dan membekalkan perkhidmatan berkaitan dengan promosi dan publisiti program SCORE@MatchMe *dan SME Rating and Accreditation (SRA)* serta SCORE SME Corp. Malaysia.

**2. SKOP PERKHIDMATAN**

- 2.1 Menganjur beberapa siri webinar/call for interest serta menyediakan perkhidmatan perundangan dan sesi padanan perniagaan oleh Trade Linker yang dilantik berkaitan dengan SCORE@MatchMe.
- 2.2 Menganjurkan satu siri Business Executive Talk bersama Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dan PKS (yang telah mengikut siri padanan perniagaan melalui platform MatchMe).
- 2.3 Menyediakan perkhidmatan promosi dan publisiti program SCORE@MatchMe.
- 2.4 Mereka bentuk, mencetak dan membekalkan perkhidmatan berkaitan dengan promosi dan publisiti program SCORE@MatchMe *dan SME Rating and Accreditation (SRA)* serta SCORE SME Corp. Malaysia.
- 2.5 Jangkamasa pelaksanaan projek adalah daripada Januari 2022 sehingga Mac 2022.

**3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN**

- 3.1 Bayaran dibuat setelah memenuhi keperluan dan kehendak ditetapkan.
- 3.2 Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima Inbois daripada pembekal.

#### 4. SYARAT-SYARAT LAIN

- 4.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang 222001 dan 222002.
- 4.2 Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di jadual pematuhan.
- 4.3 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya pembekal:
  - a. Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui
  - b. Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Kerja
  - c. Tidak mematuhi Jadual Perkhidmatan yang ditetapkan.
- 4.4 Sebarang bahan promosi dan publisiti melibatkan percetakan dan penyiaran secara platform digital adalah hak milik SME Corp. Malaysia. Pembekal adalah dilarang untuk menerbitkan semula apa-apa kandungan tersebut.

| NO. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN  | TANDAKAN<br>(✓ ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI  | MAKLUMAT<br>LANJUT/CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|-----|--|---|---|
| 1.  | <p><b>MEREKA BENTUK, MENCETAK DAN MEMBEKAL <i>NOTEBOOK</i> SME CORP. MALAYSIA 2022</b></p> <p>Konsep Kreatif, Reka Bentuk dan Proses Percetakan</p> <p>1.1. Penyebutharga perlu mereka bentuk, mencetak dan membekal <i>Notebook</i> SME Corp. Malaysia 2022 yang meliputi perkara-perkara berikut:</p> <p>i. <i>Notebook</i> SME Corp. Malaysia 2022 sebanyak <u>1,000-unit (size: 130mm x 210mm) dengan konsep deboss – block design.</u></p> <p>ii. Reka bentuk halaman depan (<i>front page</i>) – dengan konsep <i>deboss – block design</i> logo SME Corp. Malaysia. (Insert deboss x 1)</p> <p>iii. <u>1 halaman</u> yang mengandungi visi dan misi, definisi PKS, maklumat berkaitan alamat, laman sesawang dan senarai sosial media rasmi SME Corp. Malaysia. (Corporate info)</p> <p>iv. <u>1 halaman yang mengandungi maklumat berkaitan dengan SCORE; visi, misi, objektif SCORE, informasi – informasi tambahan serta rajah diagram SCORE.</u></p> <p>v. 1 halaman yang mempunyai Kalendar tahun 2022 bulan Januari hingga Disember 2022.</p> <p>vi. Reka bentuk halaman akhir (<i>back page</i>) – 1 logo silver stamping (alamat pejabat ibu pejabat beserta butiran komunikasi; no. tel/fax SME Corp.)</p> | <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> |   |

| NO. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN  | TANDAKAN<br>(✓ ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI  | MAKLUMAT<br>LANJUT/CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|-----|--|---|---|
|     | <p>1.2 Menyediakan:</p> <p>i. sekurang-kurangnya <u>tiga (3) cadangan konsep</u> dan reka bentuk notebook yang terkini serta mempunyai elemen-elemen yang melambangkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia.</p> <p>ii. <u>mock-up</u> notebook yang telah dipilih oleh SME Corp. Malaysia.</p> <p>iii. <u>ilustrasi vektor</u>: Sebarang kos penggunaan ilustrasi vektor sekiranya perlu dibeli akan ditanggung oleh Penyebutharga</p> <p>1.3 <u>Penghantaran lewat akan dikenakan surcaj</u> mengikut kadar yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia yang akan ditolak daripada nilai kontrak yang dipersetujui.</p> <p>1.4 Penyebutharga perlu memberikan <u>kos bagi mereka bentuk, mencetak dan membekal notebook SME Corp. Malaysia 2022 secara terperinci</u> mengikut pecahan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia. Sebarang ketidakpatuhan akan menyebabkan permohonan ditolak.</p> <p>1.5 Bahan-bahan reka bentuk termasuk gambar atau imej stok (<i>stock photos / images</i>) dan ilustrasi vektor yang telah diluluskan akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia (sekiranya ada).</p> <p>1.6 Kesemua perkara di atas perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu sebelum proses mencetak.</p> | <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> |   |

| NO. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN  | TANDAKAN<br>(✓ ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI  | MAKLUMAT<br>LANJUT/CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|-----|--|---|---|
| 2.  | <p><b>MENCETAK <i>ROLL-UP</i> BUNTING SME CORP. MALAYSIA</b></p> <p>2.1 Penyebutharga perlu <u>mencetak roll-up bunting</u> SME Corp. Malaysia yang akan meliputi perkara-perkara seperti berikut:</p> <p>i. Mencetak set baharu, memasang dan membekal roll-up bunting SME Corp. Malaysia sebanyak <u>30 unit (dwi-bahasa, standee dan bag canvas)</u> dengan pecahan seperti berikut; 15 set berkaitan dengan SRA dan 15 set berkaitan dengan SCORE</p> <p>ii. Cetakan roll-up bunting ini perlu menggunakan <i>high resolution inkjet print</i> yang dicetak di atas kertas jenis <i>kovax</i> yang bersaiz 85 cm (lebar) x 210 cm (tinggi) serta dipasang pada standee yang berkualiti.</p> <p>iii. Reka bentuk pada visual skrin akan disediakan oleh Penyebutharga.</p> <p>iv. Menyediakan dan menyerahkan <i>Final Mock-up</i> untuk semakan dan pengesahan SME Corp. Malaysia.</p> <p>v. Menghantar roll-up bunting yang telah siap dicetak dan dipasang ke setiap Pejabat Negeri dan Ibu Pejabat SME Corp. Malaysia pada masa yang telah ditetapkan.</p> <p>vi. <u>Penghantaran lewat akan dikenakan surcaj</u> mengikut kadar yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia yang akan ditolak daripada nilai kontrak yang dipersetujui.</p> <p>vii. Sebarang ketidakpatuhan akan menyebabkan permohonan ditolak.</p> <p>2.2 Kesemua perkara di atas perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu sebelum proses mencetak.</p> | <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> |   |

| NO. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN   | TANDAKAN<br>(✓ ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI  | MAKLUMAT<br>LANJUT/CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|-----|---|---|---|
| 3.  | <p><b>MENGEMASKINI DENGAN PENAMBAHAN MAKLUMAT SRA / SCORE DALAM VIDEO KORPORAT SME CORP. MALAYSIA SEDIA ADA</b></p> <p>3.1 Penyebutharga perlu <u>mengemaskini video korporat SME Corp. Malaysia</u> dengan mematuhi perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengemaskini video korporat SME Corp. Malaysia dari segi <u>penambahan dan pertukaran maklumat</u>.</li> <li>ii. Penambahbaikan yang perlu dibuat pada versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris video korporat tersebut adalah seperti berikut:</li> <li>iii. Versi BM: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) 5 program utama SME Corp. Malaysia iaitu <u>Status PKS, Konsep Penarafan Daya Saing PKS bagi Peningkatan (SCORE), Program National Mark of Malaysian Brand, 1-InnoCERT; dan Anugerah Enterpris 50</u> dan diletakkan tajuk sebagai Penarafan PKS dan Akreditasi</li> <li>b) <u>6 fungsi</u> SME Corp. Malaysia (akan diberikan oleh SME Corp. Malaysia)</li> <li>c) <i>Footages</i> atau visual yang akan digunakan perlu dicadangkan dan disediakan oleh Penyebutharga</li> </ul> </li> </ul> | <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> |   |

| NO. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN  | TANDAKAN<br>(✓ ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI  | MAKLUMAT<br>LANJUT/CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|-----|--|---|---|
|     | <p>iv. <i>Footage</i> pada <u>minit 02:08</u> perlu dibuang dan digantikan dengan <i>footage</i> lain yang bersesuaian dengan <i>voice over</i> (VO).</p> <p>v. <i>Footage</i> pada <u>minit 04:03 hingga 04:22</u> perlu ditukar dengan <i>footage</i> baharu dan penambahbaikan yang lebih sesuai perlu dicadangkan oleh Penyebutharga.</p> <p>vi. Versi BI:<br/><i>Footage</i> pada <u>minit 04:04 hingga 04:17</u> perlu disertakan maklumat berkenaan dengan:</p> <p>a) 5 program utama SME Corp. Malaysia iaitu <u>Status PKS, Konsep Penarafan Daya Saing PKS bagi Peningkatan (SCORE), Program National Mark of Malaysian Brand, 1-InnoCERT; dan Anugerah Enterpris 50</u> dan diletakkan tajuk sebagai Penarafan PKS dan Akreditasi</p> <p>b) 6 fungsi SME Corp. Malaysia (akan diberikan oleh SME Corp. Malaysia)</p> <p>c) <i>Footages</i> atau visual yang akan digunakan perlu dicadangkan dan disediakan oleh Penyebutharga</p> <p>vii. <i>Footage</i> pada <u>minit 02:00 hingga 02:02</u> perlu dibuang dan digantikan dengan <i>footage</i> lain yang bersesuaian dengan <i>voice over</i> (VO).</p> <p>viii. <i>Footage</i> pada <u>minit 03:46 hingga 04:03</u> perlu ditukar dengan <i>footage</i> baharu dan penambahbaikan yang lebih sesuai perlu dicadangkan oleh Penyebutharga.</p> | <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> |   |

| NO. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN  | TANDAKAN<br>(✓ ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI  | MAKLUMAT<br>LANJUT/CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|-----|--|---|---|
|     | <p>ix. <i>Footages</i> atau imej stok (<i>stock photos / images</i>) yang dicadangkan, perlu disediakan oleh Penyebutharga untuk dimuatkan pada minit yang telah ditentukan oleh SME Corp. Malaysia. <u>Sebarang kos penggunaan <i>footages</i> atau imej stok (<i>stock photos / images</i>) tersebut adalah ditanggung oleh Penyebutharga.</u></p> <p>x. Penyebutharga perlu menyerahkan video korporat versi akhir (<i>final version</i>) untuk semakan, pengesahan dan kelulusan oleh SME Corp. Malaysia.</p> <p>xi. <u>Membuat penghantaran Video Korporat SME Corp. Malaysia dalam versi akhir Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris ke SME Corp. Malaysia dalam tempoh masa dan pada tarikh yang ditetapkan</u> oleh SME Corp. Malaysia.</p> <p>xii. Menyerahkan <u>dua (2) salinan <i>softcopy</i> versi akhir (<i>final version</i>) dalam Pen Drive berserta <i>softcopy</i> video dalam format yang boleh disunting semula</u> bagi tujuan pengemaskinian kepada SME Corp. Malaysia.</p> <p>xiii. <u>Penghantaran lewat akan dikenakan surcaj</u> mengikut kadar yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia yang akan ditolak daripada nilai kontrak yang dipersetujui.</p> <p>xiv. Penyebutharga perlu memberikan <u>kos secara terperinci mengikut pecahan yang ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia.</u> Sebarang ketidakpatuhan akan menyebabkan permohonan ditolak.</p> | <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> |   |



| NO. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN  | TANDAKAN<br>(✓ ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI  | MAKLUMAT<br>LANJUT/CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|-----|--|---|---|
|     | <p>xv. Bahan-bahan reka bentuk termasuk footages, gambar atau imej stok (stock photos / images) yang telah diluluskan akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia.</p> <p>xvi. Kesemua perkara di atas perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu sebelum ianya dimuktamadkan..</p>   | <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p>   |   |
| 4.  | <p><b>PUBLISITI DAN PROMOSI</b></p> <p>4.1 Penyebutharga perlu <u>menyediakan skop perkhidmatan</u> dengan mematuhi perkara-perkara yang telah ditetapkan oleh SME Corp. Malaysia seperti berikut:</p> <p>i. Penyediaan bahan promosi dan publisiti Program Penarafan PKS dan Akreditasi</p> <p>a. Infografik / Ad Poster / EDM / Banner</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan draf konsep <u>sekurang-kurangnya 20</u> infografik / Ad Poster / EDM / Banner dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris untuk hebahan.</li> </ul> <p>ii. Bual Bicara Eksklusif di platform digital yang bersesuaian</p> <p>a) Mencadangkan konsep keseluruhan sesi Bual Bicara di mana-mana platform digital yang bersesuaian.</p> <p>b) Menguruskan sekurang-kurangnya satu (1) sesi temu bual bicara eksklusif Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia di mana-mana platform digital yang bersesuaian.</p> | <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> |   |

| NO. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN  | TANDAKAN<br>(✓ ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI  | MAKLUMAT<br>LANJUT/CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|-----|--|---|---|
|     | <p>c) Mencadangkan angle, tajuk dan penceramah/ahli panel yang bersesuaian serta menyediakan input yang berkaitan.</p> <p>d) Menyediakan bahan-bahan promosi yang berkaitan (edm, eposter dan lain-lain yang bersesuaian).</p> <p>e) Membuat hebahan berkenaan sesi webinar di platform media sosial, digital atau yang bersesuaian.</p> <p>iii. Platform: Media Sosial dan Laman Sesawang SME Corp. Malaysia</p> <p>a) Menyediakan konsep dan kempen keseluruhan untuk mempromosikan Program-program Penarafan PKS dan Akreditasi di platform media sosial seperti Facebook, Youtube, Google Search, LinkedIn dan Twitter.</p> <p>b) Mencadangkan, menyediakan dan mempergiatkan aktiviti-aktiviti (FB boost, FB Ads, Seeders, Infografik, Google Display Network, dedicated landing page, <i>search engine optimisation</i> dan lain-lain yang bersesuaian) untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran mengenai SME Corp. Malaysia dan program-program Penarafan PKS dan Akreditasi.</p> <p>c) Aktiviti-aktiviti yang dicadangkan mestilah memberikan capaian dan impak yang tinggi seperti penambahan bilangan <i>followers, likes, reach,</i></p> | <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> |   |

| NO. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN  | TANDAKAN<br>(✓ ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI  | MAKLUMAT<br>LANJUT/CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|-----|--|---|---|
|     | <p><i>engagement</i> dan lain-lain yang bersesuaian.</p> <p>d) Menyediakan laporan dan analisis keseluruhan aktiviti sekurang-kurangnya melalui <i>google analytics</i> atau yang lebih baik secara berkala.</p> <p>e) Memberikan justifikasi bagi keseluruhan cadangan yang dikemukakan bagi mendapatkan persetujuan SME Corp. Malaysia.</p> <p>4.2 Penyebutharga perlu mematuhi <u>syarat-syarat berkaitan perkhidmatan</u> seperti berikut:</p> <p>i. Kontrak pelantikan adalah bagi tempoh <u>3 bulan</u> mulai <u>17 Januari - 31 Mac 2022</u>.</p> <p>ii. Bayaran akan dibuat <u>secara berperingkat mengikut pelaksanaan perkhidmatan</u> berserta <u>inbois</u> dan <u>dokumen berkaitan</u>.</p> <p>iii. <u>Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan</u> yang masih sah laku dalam <u>kod bidang bersesuaian</u> iaitu 222001 dan 222002.</p> <p>iv. Pihak SME Corp. Malaysia <u>berhak menamatkan kontrak</u> yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa dan/atau <u>mengenakan <i>Liquidated &amp; Ascertained Damages</i> (LAD)</u> sekiranya pembekal:</p> <p>a) Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui</p> <p>b) Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Kerja</p> | <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> <p><input type="checkbox"/></p> |   |

LAMPIRAN A

| NO. | BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN  | TANDAKAN<br>(✓ ATAU X)<br>BAGI SKOP<br>KERJA<br>DIPERSETUJUI  | MAKLUMAT<br>LANJUT/CADANGAN<br>(PROPOSAL) |
|-----|--|---|---|
|     | <p>c) Tidak mematuhi Jadual Penghantaran yang ditetapkan</p> <p>d) Formula kenaikan LAD adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <math>(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})</math></li> </ul> <p>v. Penyediaan kesemua perkhidmatan ini perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu sebelum sebarang siaran dibuat.</p> <p>4.3 Bahan-bahan reka bentuk termasuk <i>footages</i>, gambar atau imej stok (<i>stock photos / images</i>) yang telah diluluskan akan menjadi hak milik SME Corp. Malaysia.</p> <p>4.4 Kesemua perkara di atas perlu mendapat kelulusan SME Corp. Malaysia terlebih dahulu sebelum ianya dimuktamadkan dan sebarang siaran dibuat.</p> | <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> <p style="text-align: center;"><input type="checkbox"/></p> |   |

\* sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi

**Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 26/2021.**

.....  
 Nama :  
 Jawatan :  
 Tarikh :  
 Cop Syarikat :